



05 JUL, 2024

Kastam rampas minuman keras lebih RM362,300

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam rampas minuman keras lebih RM362,300

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Sebanyak 6,481.8 liter minuman keras dianggarkan bernilai RM362,319.54 termasuk cukai dirampas selepas dikesan menggunakan setem cukai palsu di daerah ini.

Rampasan itu dijalankan Bahagian Penguatkuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Sabah, Tawau, menerusi Ops Macan Legit di dua premis berasingan di Jalan Dunlop dan Jalan Tawau Lama pada 13 Mac dan 25 Jun lalu.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah, Datuk Mohd Nasir Deraman, berkata serbuan pertama menemukan sejumlah kotak minuman keras buatan tempatan yang mempunyai setem cukai Kastam palsu.

Katanya, semua minuman keras yang dianggarkan bernilai RM206,814.29 termasuk cukai itu terus dirampas oleh pasukan serbuan.

“Operasi kedua di sebuah premis berasingan



SIDANG MEDIA: Mohd Nasir (tiga kanan) ketika mengadakan sidang media berkaitan rampasan itu.

pula turut menemukan sejumlah kotak minuman keras buatan tempatan yang mempunyai setem cukai Kastam palsu.

“Barang rampasan itu dianggarkan bernilai RM155,505.25 termasuk

cukai,” katanya dalam sidang media di pejabat Kastam Zon Tawau, di sini, pada Rabu.

Menurutnya, notis sitaan dikeluarkan kepada kedua-dua pengurus premis lelaki warganegara berusia 46 dan

55 tahun serta diarahkan hadir ke pejabat Cawangan Penguatkuasaan Kastam Tawau.

“Modus operandi kedua-dua rampasan itu suspek menggunakan setem cukai palsu seakan-akan setem

cukai yang sah.

“Nilai keseluruhan daripada hasil kedua-dua rampasan itu dianggarkan berjumlah RM362,319.54 termasuk cukai,” katanya.

Beliau berkata, semua barang-barang bukti disita dan dibawa ke pejabat Bahagian Penguatkuasa Kastam Tawau untuk siasatan serta tindakan lanjut mengikut Seksyen 74(1)(a) Akta Eksais 1976.

Sehubungan itu, Mohd Nasir berkata, aktiviti penyeludupan bukan saja merugikan negara dari segi kehilangan hasil, malah turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

Katanya, orang ramai disarankan supaya memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan di talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855.

“Kastam juga turut memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat berkenaan adalah dirahsiakan,” katanya.



05 JUL, 2024

Kastam rampas minuman keras lebih RM362,300

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

TAWAU: Sebanyak 6,481.8 liter minuman keras dianggarkan bernilai RM362,319.54 termasuk cukai dirampas selepas dikesan menggunakan setem cukai palsu di daerah ini. Rampasan itu dijalankan Bahagian Penguatkuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Sabah, Tawau, menerusi Ops Macan Legit di dua premis berasingan di Jalan Dunlop dan Jalan Tawau Lama pada 13 Mac dan 25 Jun lalu.